

# Lima kuasa veto dunia digesa henti kekejaman di Gaza

Perdana Menteri seru ASEAN-GCC mainkan peranan transformasikan rantau Asia, Teluk



Daripada Zainudin Isa di Riyadh, Arab Saudi

Dalam misi mencari penyelesaian perang Israel-Palestin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan komuniti antarabangsa tidak seharusnya berterusan 'menutup mata' terhadap kekejaman yang sedang berlaku di Palestin.

Menggariskan beberapa keperluan mendesak dan tindakan kolektif yang perlu dilakukan, Malaysia menuntut Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC), termasuk lima negara kuasa veto dunia (Amerika Syarikat, China, Perancis, Russia dan Britain) agar memainkan peranan sebagai broker keamanan bagi mengakhiri konflik Israel-Palestin.

Menyampaikan amanat pada Sidang Kemuncak Pertama ASEAN-Majlis Kerjasama Teluk (GCC), di sini, semalam, Perdana Menteri berkata, inilah masa masyarakat dunia bersatu untuk menolak hipokrisi dan layanan tidak seimbang terhadap Palestin.

"Kita mesti menoktahkan perkara ini. Sebab dan punca asas yang membawa kepada konflik mesti disentuh.

"Tanpa ada pengecualian, hak asasi manusia mesti dilindungi dan dipertahankan, undang-undang antarabangsa mesti dipatuhi," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, sidang kemuncak ASEAN-GCC mesti memainkan peranannya sebagai pentas memastikan rantau Asia dan Teluk lebih berdaya tahan, dinamik dan tranformatif, terutama dalam isu mutakhir yang melanda.

Sidang berkenaan tegas Perdana Menteri, adalah peluang untuk membincangkan isu yang melingkari kepentingan bersa-



Perdana Menteri ketika menyampaikan amanat pada Sidang Kemuncak Pertama ASEAN-Majlis Kerjasama Teluk, di Riyadh semalam. (Foto Agensi)

ma, khususnya ketika dunia dibelenggu pertikaian geopolitik yang memberi kesan kepada kedua-dua wilayah Asia dan Teluk.

Katanya, selagi asas kepada punca yang membawa konflik Israel-Palestin tidak ditangani, selagi itulah rejim Israel akan terus menerus melancarkan serangan dan pengeboman sehingga berdekad lamanya.

## Malaysia kutuk serangan

"Malaysia amat sedih dan terkesan dengan peningkatan bilangan orang awam yang terbunuh dan cedera.

"Kami mengutuk keras serangan bom tidak wajar dan siri kekejaman di Gaza serta tindakan menyekat keperluan asas ke atas penduduk sehingga nyawa rakyat Palestin dalam bahaya.

"Penduduk Palestin mesti dibawa pulang ke tanah air mereka semula, ke kediaman dan harta benda mereka.

"Mereka mesti diberi peluang untuk hidup dengan aman dan bermaruah di tanah tumpah darah mereka, negara yang berdaulat serta diiktiraf sempadan antarabangsa Palestin mengikut peta sempadan 1967 dengan Timur Baitulmaqdis sebagai ibu negara," katanya.

Tambah Perdana Menteri, dalam keadaan masa yang semakin menekan dan berdepan krisis kemanusiaan yang akan menjalar sebagai krisis wilayah dan dunia, Malaysia mahu semua negara berganding untuk mencari cara mengakhirinya, bukan penyelesaian bersifat sementara.

"Justeru, keperluan mendesak sekarang ialah melaksanakan koridor kemanusiaan agar bantuan dapat diagihkan kepada mereka yang memerlukan.

"Pendirian Malaysia ialah kami bersedia untuk menyertai

usaha antarabangsa dalam misi mengagihkan bantuan kemanusiaan dan perubahan," tegasnya.

Selepas menghadiri ASEAN-GCC, Perdana Menteri dijadual berlepas ke Ankara, Turkiye dari Riyadh bagi bertemu pemimpin negara berkenaan untuk perbincangan berkaitan konflik Palestin-Israel.

Mengenai hubungan ASEAN-GCC, Anwar mencadangkan agar Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif (CEPA) ASEAN-GCC dibentuk dalam memajukan pertumbuhan progresif, inklusif dan mampan.

Katanya, hubungan ASEAN-GCC terus berkembang pesat dan signifikan sejak ia mula di meterai pada 1990.

"Dalam menghadapi cabaran semasa geopolitik antara dua rantau ini, kini perlu melangkah ke hadapan dengan menjadikan gagasan ini untuk kita memak-simumkan segala potensi.

"Justeru dengan pembentukan CEPA, ia bakal menjadikan Perjanjian Perdagangan Bebas antara ASEAN dan Asia Barat yang pertama," katanya.

Nilai dagangan antara dua rantau ASEAN-GCC mencecah nilai AS\$93.9 bilion pada 2019, dengan eksport kira-kira AS\$60.9 bilion, manakala nilai import mencecah AS\$33 bilion.

Produk petroleum menyumbang 73.1 peratus daripada keseluruhan eksport komoditi dari negara GCC ke negara ASEAN membabitkan nilai AS\$44.5 bilion pada 2019.

Ini disusuli produk berasaskan plastik dan hiliran berjumlah 8.7 peratus atau AS\$5.3 bilion, diikuti emas dan keluli 3.8 peratus atau AS\$2.3 bilion.

Nilai dagangan antara negara anggota ASEAN pula kini mencecah lebih AS\$110 bilion.